

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Hajah Norah binti Abd
Rahman
[Tanjung Manis]**

TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 50

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada dapat menyediakan peruntukan dana untuk membantu baik pulih atau bina baru rumah-rumah yang terlalu uzur di Tanjung Manis, Sarawak kerana terlalu lama rakyat miskin tegar yang menunggu giliran mereka untuk mendapat bantuan dan memandangkan kehidupan mereka yang terlalu daif..

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dilaksanakan secara adil berdasarkan maklumat insiden kemiskinan mengikut negeri yang dikeluarkan oleh ICU, JPM. Untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan peserta PBR adalah dimuktamadkan oleh **Focus Group Daerah** dan keanggotaannya adalah terdiri daripada Agensi-agensi Kerajaan, Ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan pemimpin-pemimpin tempatan. Bagi Negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB) bertindak sebagai penyelarasan senarai peserta PBR yang dikemukakan oleh **Focus Group Daerah**. Setiap permohonan PBR akan disemak berdasarkan kelayakan pemohon dan keutamaan diberikan kepada golongan miskin dan miskin tegar yang terdiri daripada;

- (i) Warga emas (lebih 65 tahun), uzur dan orang kurang upaya;**
- (ii) Ibu/bapa tunggal yang mempunyai tanggungan yang ramai; dan**
- (iii) Mangsa bencana alam seperti ribut, taufan banjir dan kebakaran.**

Bagi tahun 2014, sejumlah **RM1.46 juta diperuntukkan bagi 23 unit projek bina baru dan 26 unit projek baik pulih bagi kawasan Parlimen Tanjung Manis.** Pihak Kementerian sentiasa berusaha dan prihatin serta komited dalam memastikan golongan miskin dan miskin tegar diberi bantuan untuk mendapat kediaman yang lebih selesa dan selamat.